

04/10/1998

KL'98 tutup mulut pengkritik

KUALA LUMPUR: Kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel XVI-Kuala Lumpur '98 dengan cemerlang, menutup mulut pengkritik asing mengenai kemampuan negara untuk menguruskan temasya kedua paling berprestij dunia dengan cemerlang, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya Perdana Menteri berkata, semua mereka yang mengkritik sejak Malaysia dipilih menjadi tuan rumah menewaskan Adelaide, Australia, pada 21 Julai 1992, akhirnya terpaksa mengakui hakikat bahawa Malaysia bukan sekadar berjaya mengendalikannya dengan cemerlang, bahkan meletakkan semula Sukan Komanwel di persada kegemilangan.

"Sebelum ini ramai yang berkata Malaysia tidak mungkin dapat menjayakan kejohanan sebesar ini. Malahan mereka berkata temasya itu mungkin terpaksa dipindah ke tempat lain, kerana tidak yakin Malaysia boleh menyiapkan semua kemudahan diperlukan.

"Tetapi apabila sampai di sini, mereka (pengkritik) tidak dapat tidak terpaksa mengakui bahawa bukan sahaja kita berjaya menyediakan segala yang diperlukan, tetapi ia juga bertaraf dunia," katanya kepada kira-kira 15,000 atlit, sukarelawan Nadi 98, penaja dan semua yang terbabit menjayakan Sukan Komanwel pada 11 hingga 21 September lalu di Majlis Jamuan Makan Malam Perdana di Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, malam tadi.

Perdana Menteri menegaskan Malaysia bukan sekadar dapat 'menutup mulut' pengkritik bahkan semangat 'Malaysia Boleh' menyaksikan hasil daripada menjadi tuan rumah Sukan Komanwel XVI, negara ini kini memiliki stadium terancang di dunia dan yang terbesar di Asia Timur.

"Saya juga berbangga dengan seluruh rakyat Malaysia kerana walaupun ada negara luar yang pernah mengeluarkan kata-kata kesat pada kita, tetapi apabila mereka berada di sini kita melayan mereka dengan baik," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, semua kejayaan yang dicapai sepanjang tempoh 11 hari itu adalah hasil usaha dan kerjasama seluruh rakyat Malaysia.

Justeru, beliau mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua yang terbabit terutama atlit negara yang mencatat kejayaan di luar dugaan apabila memungut 10 pingat emas, 14 perak dan 12 gangsa.

"Sebenarnya ini adalah kejayaan yang amat luar biasa. Saya sendiri awalnya tidak yakin. Di hati kecil saya berkata, dapat tiga pingat emas pun cukuplah, habis-habis dapat enam... tetapi dapat 10. Syabas atlit Malaysia," katanya disambut tepukan gemuruh atlit yang hadir.

Turut menerima penghargaan Perdana Menteri ialah sukarelawan Nadi 98, terutama 4,840 orang dalam kumpulan Soka Gakkai yang membentuk grafik manusia ketika upacara pembukaan.

Dr Mahathir berkata, ada antara pemimpin negara yang hadir menyangka bahawa grafik yang dipamerkan adalah hasil teknologi mekanikal dan ramai yang terkejut apabila beliau menjelaskan yang terbabit adalah manusia.

"Ini adalah pencapaian luar biasa. Mereka mempamerkan disiplin begitu tinggi, sanggup duduk di situ sehingga enam jam tanpa putus, tanpa pergi ke bilik air.

"Saya harap disiplin seperti ini dapat diteladani oleh semua pihak, kerana saya yakin jika kita dapat mencapai tahap disiplin seperti ini kita boleh 'conquer the world'," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berharap rakyat tidak bersikap sombong dan angkuh selepas mencatat kejayaan dan menerima pujian dunia kerana masih

banyak yang perlu dilakukan.

"Hari ini Sukan Komanwel, esok Sukan Sea, lusa Sukan Asia dan tulat, Sukan Olimpik... jangan fikir kita tidak boleh. Kerana itu kita harus bermula dari sekarang untuk mengangkat maruah, agama dan bangsa kita.

"Rakyat perlu tunjukkan kepada dunia luar bahawa Malaysia bukan sahaja boleh menjadi negara termaju di antara negara membangun, tetapi juga boleh menjadi juara dalam acara sukan," katanya.

(END)